



**PEKELILING  
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
BIL. 4 TAHUN 2013**

---

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN KAD PEMANDU DAN PENGECUALIAN  
SEMENTARA BAYARAN YURAN PERMOHONAN**

**SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

**TARIKH: 4 Jun 2013**

## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN KAD PEMANDU DAN PENGECUALIAN SEMENTARA BAYARAN YURAN PERMOHONAN**

### **TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan perkara berhubung dengan garis panduan permohonan Kad Pemandu dan pengecualian sementara bayaran yuran permohonan Kad Pemandu untuk kenderaan perkhidmatan awam kelas teksi di Semenanjung Malaysia.

### **LATAR BELAKANG**

2. Kad Pemandu yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) adalah suatu tanda pengenalan diri yang melayakkan seseorang untuk memandu kenderaan perkhidmatan awam tersebut.
  
3. Kad Pemandu yang mempunyai maklumat-maklumat seperti nama pemandu, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sebagainya berfungsi untuk memberi maklumat kepada penumpang bagi menjamin keselamatan mereka, sekaligus membaiki mutu perkhidmatan teksi serta meningkatkan persepsi dan keyakinan rakyat.

4. Maklumat yang terdapat di Kad Pemandu akan disimpan di dalam pangkalan data S.P.A.D. untuk memudahkan penyaluran maklumat daripada S.P.A.D. dan agensi-agensi kerajaan yang lain kepada pemandu dari semasa ke semasa.

5. Buat masa kini, hanya pemandu di bawah lesen pengendali kenderaan perkhidmatan awam kelas teksi jenis perkhidmatan bajet (“Teksi Bajet”) dan jenis perkhidmatan eksekutif (“Teksi Eksekutif”) diwajibkan untuk memiliki Kad Pemandu.

#### **PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

6. S.P.A.D telah memutuskan bahawa semua pemandu di bawah lesen pengendali kenderaan perkhidmatan awam kelas yang berikut juga WAJIB memiliki Kad Pemandu:

- Teksi jenis perkhidmatan 1Malaysia (“TEKS1M”)
- Teksi mewah
- Teksi lapangan terbang
- Kereta sewa

7. Keperluan yang tersebut di perenggan 6 Pekeliling ini akan menjadi syarat lesen pengendali kenderaan perkhidmatan awam kelas yang berkenaan bermula 1 November 2013.

8. Pelaksanaan garis panduan Kad Pemandu ini melibatkan beberapa perkara seperti di bawah yang perlu diambil perhatian.

## **Permohonan Kad Pemandu**

9. Permohonan untuk mendapatkan Kad Pemandu baru atau pembaharuan Kad Pemandu boleh dilakukan dengan mengisi Borang Permohonan Daftar Kad Pemandu (Lampiran A) yang boleh didapati secara percuma di semua pejabat S.P.A.D Negeri atau Pusat Transformasi Bandar (*Urban Transformation Centre*) (“UTC”) yang berhampiran. Borang permohonan juga boleh dimuat turun dari laman web rasmi S.P.A.D di [www.spad.gov.my](http://www.spad.gov.my).
  
10. Dokumen-dokumen yang perlu disertakan bersama dengan Borang Permohonan Daftar Pemandu adalah seperti berikut:
  - (a) satu (1) keping salinan Kad Pengenalan;
  - (b) dua (2) keping gambar terbaru ukuran passport;
  - (c) dua (2) keping salinan lesen memandu Kenderaan Perkhidmatan Awam yang sah;
  - (d) satu (1) salinan Permit Kenderaan;
  - (e) surat berhenti dari syarikat lama (bagi pemandu yang bertukar syarikat);
  - (f) surat pengesahan daripada pemilik individu atau syarikat (bukti bahawa pemohon adalah pemandu kedua kepada pemilik lesen individu tersebut atau pemandu syarikat yang berkenaan) (keperluan ini hanya dikenakan sekiranya

pemohon adalah Pemandu Kedua atau memohon untuk menjadi Pemandu Kedua); dan

- (g) Kad Pemandu lama (bagi yang pernah berdaftar).

Dokumen asal hendaklah dibawa bersama untuk tujuan pengesahan.

11. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke pejabat S.P.A.D Negeri atau UTC yang berhampiran.

12. Tempoh masa pemprosesan permohonan adalah satu (1) hari untuk permohonan individu. Bagi permohonan dari syarikat atau koperasi, ianya bergantung kepada jumlah permohonan yang diterima.

### Pendaftaran Kad Pemandu

13. Bagi pemilik lesen pengendali individu yang telah berjaya dalam permohonannya, Kad Pemandu beliau akan didaftarkan sebagai “Pemilik” manakala bagi pemandu untuk syarikat atau koperasi yang telah berjaya dalam permohonannya, Kad Pemandu beliau akan didaftarkan sebagai “Pemandu”.

14. Setiap kenderaan Teksi Bajet, Teksi Eksekutif, TEKS1M, teksi mewah, teksi lapangan terbang dan kereta sewa dibenarkan mempunyai hanya seorang (1) sahaja pemandu tambahan yang

dinamakan pemandu kedua. Pemandu kedua ini juga DIWAJIBKAN memiliki Kad Pemandu dan akan didaftarkan sebagai “Pemandu Kedua”.

15. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, semua Kad Pemandu bagi Pemandu Kedua sedia ada tidak akan diperbaharui setelah tempoh sah laku kad tersebut tamat, kecuali satu kad Pemandu Kedua yang diluluskan mengikut perkara 9(f) dalam Pekeliling ini.

16. Tempoh sah laku Kad Pemandu adalah untuk satu (1) tahun sahaja.

#### **Kehendak Mempamerkan Kad Pemandu**

17. Kad Pemandu hendaklah dipamerkan di ruangan *dashboard* kenderaan teksi yang berkenaan sepanjang masa ianya beroperasi.

#### **Pengecualian Sementara Yuran Permohonan**

18. Yuran yang dikenakan bagi setiap permohonan Kad Pemandu adalah sebanyak RM5.00. Namun, S.P.A.D. telah memutuskan untuk memberi pengecualian sementara kepada semua permohonan baru dan permohonan membaharui Kad Pemandu.

19. Pengecualian bayaran yuran permohonan Kad Pemandu hanya terpakai dari tarikh arahan pekeliling ini berkuatkuasa sehingga **31 OKTOBER 2013** sahaja.

#### **TARIKH KUATKUASA PEKELILING**

20. Arahan pekeliling ini berkuatkuasa mulai **4 Jun 2013**.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(AZMI BIN ABDUL AZIZ)**

Ketua Pegawai Pembangunan  
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

**4 Jun 2013**